

UMS terus jalin kerjasama dengan pihak industri luar

DE 19/09/19 1

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) terus mengukuhkan jalinan kerjasama dengan pihak industri dalam memantapkan keupayaannya sebagai sebuah institusi pendidikan yang berinovatif dan relevan.

Naib Canselor UMS, Prof Datuk Dr Taufiq Yap Yun Hin berkata usaha itu bukan hanya tertumpu di dalam negara sahaja tetapi turut diperluas kepada syarikat-syarikat di peringkat global.

“Pada 11-14 September lalu, UMS telah mengadakan lawatan kerja ke Overseas Chinese Town (OCT), sebuah syarikat gergasi milik kerajaan China yang berpangkalan di Bandar Shenzhen dan Hainan bagi membincangkan jalinan kerjasama yang boleh memberi manfaat kepada kedua belah pihak.

“Pada asasnya, pihak OCT sangat mengalu-alukan hasrat kerjasama ini yang menyaksikan intipati perbincangkan lebih menjurus kepada kerjasama akademik termasuk peluang lati-

han industri pelajar UMS di syarikat yang berpengalaman luas dalam industri taman tema serta pembangunan bandar pintar termasuk resort dan hartanah,” katanya dalam kenyataan di sini, pada Rabu.

Taufiq berkata kehadiran bersama rombongan UMS ke China juga bagi menyampaikan hasrat kepada ibu pejabat syarikat Huawei Technologies Co. Ltd. untuk meneruskan kerjasama yang sudah terjalin erat sebelum ini.

Beliau berkata kerjasama itu bukan sahaja perlu diteruskan tetapi diperluas kepada mana-mana ruang kolaborasi yang boleh dimanfaatkan bersama.

Jelasnya, Huawei juga turut memberi taklimat mengenai pengalaman mereka dalam penyediaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) di beberapa buah hospital pintar di China dan hospital pintar UMS juga sedang dalam fasa awal pembinaan. – Bernama